

CNS9363

R GB 03-08 00171 BH255

aab

PERGERAKAN BERKECUALI MASIH RELEVAN WALAUPUN PERANG DINGIN TELAH TAMAT:

PM

Mahathir-NAM

I

KUALA LUMPUR, 3 Ogos (Bernama) -- Kewujudan Pergerakan Berkecuali (NAM) sebagai sebuah pertubuhan masih relevan bagi mengimbangi kuasa besar-kuasa besar Utara, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Katanya, pergerakan i tu mungkin ti dak lagi relevan berdasarkan tafsirnn, kerana atas nama pergerakan berkecuali, ia mungkin tidak mempunyai peranan selepas berakhirnya perang dingin.

Tetapi, katanya, sebagai sebuah kumpulan untuk mengimbangi sekumpulan negara lain, kumpulan pergerakan berkecuali adalah relevan kerana negara-negara maju dan negara Utara telah menjadi terlalu kuat.

+Pergerakan itu masih relevan, mungkin kita perlu membuat tafsiran berdasarkan nama atau peranan tetapi kita tidak boleh membuat anggapan ia tidak lagi relevan, + katanya kepada pemberi ta selepas mempengerusikan mesyuarat dewan tertinggi Barisan Nasional di ibu pejabat UMNO di sini.

Dr Mahathir adalah antara ketua negara yang akan menghadiri Sidang Xemuntak NAM di Jakarta bermula 1 Sept. NAM kini mempunyai kira-kira 100 negara anggota.

-- Lagi

▼03/08/18-05MST

CNS9399

R GB 03-08 00122 BH256

aab

Mahathir-NAM 2 Kuala Lumpur

NAM dilahirkan semasa persidangan Afro-Asia di Bandung, Indonesia pada 1955, dan dilancarkan pada 1961 bagi mewujudkan jalan tengah antara blok komunisme dan kapitalisme.

Dr Mahtir berkata jika pergerakan berkecuali terkubur, dunia akan dikuasai oleh sebuah negara kuasa besar dan negara-negara maju di Utara.

Kekuatan mereka perlu diimbangi dengan sesuatu yang juga sama kuat, katany.

Semasa mengulas mengenai niat Myanmar untuk menyambung semula keanggotaannya dalam NAM, katanya, perkara itu perlu diteliti terlebih dahulu dan jika diterima, seharusnya dikenakan syarat-syarat.

Mengenai gesaan oleh negara-negara tertentu supaya dikenakan sekatan terhadap Myanmar, Dr Mahathir berkata tidak seharusnya ada pendekatan tertentu untuk memujuk negara-negara mengubah dasar-dasar yang menindas. --
Lagi

▼03/08/18-29MST

CNS9425

RGB03-08 00173 BH257

aab

Mahathir-NAM 3 (Akhir) Kuala Lumpur

Katanya, ini kerana rakyat negara berkenaan akan menderita kerana merekalah yang akan memikul beban sekatan itu.

Mengenai Afrika Selatan, katanya, tidak ada jalan lain untuk memaksa negara itu mengubah dasar aparteidnya dan, beliau menambah kata, rakyat negara itu sendiri, terutamanya golongan kuli t hi tam, telah meminta dikenakan sekatan terhadap negara itu.

Dr Mahathir berkata penduduk Myanmar tidak meminta supaya sekatan dikenakan ke atas kerajaan mereka.

+Mereka sedang menderita dan kita merasakan (sekatan) ini bukannya jalan yang baik atau berkesan (untuk memujuk kerajaan Myanmar), + katanya.

Malaysia menentang cadangan oleh kuasa tertentu untuk mengenakan sekatan ke atas Myanmar kerana tindakan itu hanya akan menghalang negara itu kembali ke pemerintahan demokrasi .

Perdana Menteri juga berkata faktor-faktor lain perlu diambil kira selain permintaan daripada rakyat sendiri, termasuk sama ada sekatan itu akan berkesan atau sebaliknya.

Katanya, pendekatan Malaysia terhadap kerajaan Myanmar ialah memujuk negara itu dengan menunjukkan bahawa sistem demokrasi lebih baik daripada sistem yang menindas rakyat. -- Bernama

▼03/08/18-44MST